

## Kepimpinan Teknologi Guru Besar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian Guru Pada Pasca Covid

### *(Headmaster Technology Leadership on Teachers Teaching And Learning Process Via Online In The Post Covid)*

Umadevi Sanmugam<sup>1\*</sup> , Aida Hanim A.Hamid<sup>2</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p112122@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: aidahanim@ukm.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: lin@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Umadevi Sanmugam

(p112122@siswa.ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Kepimpinan Teknologi  
Pembelajaran dan Pengajaran  
Atas Talian  
Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi

#### KEYWORDS:

Technology Leadership  
Online Learning  
Teaching  
Information and  
Communication Technology

#### CITATION:

Umadevi Sanmugam, Aida Hanim A.Hamid, & Norasmah Othman. (2023). Kepimpinan Teknologi Guru Besar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian Guru Pada Pasca Covid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002322.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2322>

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepimpinan teknologi guru besar, mengenal pasti tahap pengajaran dan pembelajaran guru atas talian guru dan menguji hubungan tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan PdP atas talian guru pasca covid. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan data diperoleh daripada kaedah soal selidik berbentuk google form. Seramai 60 orang guru dari sekolah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor menjadi responden kajian. Soal selidik yang dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Studies bagi versi 25* (SPSS). Dapatan kajian ini mendapati tahap kepimpinan teknologi guru besar yang paling banyak diamalkan oleh guru besar mengikut persepsi guru-guru adalah kecemerlangan amalan profesional dengan min = 4.75, (SP=0.541) sementara tahap pengajaran dan pembelajaran guru atas talian guru pada pasca covid menunjukkan tahap yang sederhana dengan nilai min =3.32, (SP=1.081). Data juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap kepimpinan teknologi guru besar dan tahap pengajaran dan pembelajaran guru atas talian guru. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi tujuan meningkatkan lagi tahap kepimpinan teknologi guru besar dan kajian masa akan datang.

#### ABSTRACT

This research aims to identify the level of headmaster technology leadership, identify the level of online teaching and learning among the teachers and test the relationship between the level of headmaster technology leadership and post-covid teacher's online teaching and learning process. This study uses a quantitative method and data is obtained

from a questionnaire in the form of a google form. A total of 60 teachers from National schools in the Hulu Langat district, Selangor became respondents to the study. The questionnaire was analyzed using the Statistical Package for Social Studies version 25 (SPSS) software. The findings of this study found that the level of technology leadership practiced by head teachers the most according to teachers' perceptions is the excellence of professional practice with mean = 4.75, (SP=0.541) while the level of teacher teaching and learning online in the post-covid shows a level that moderate with mean value =3.32, (SP=1.081). The data also shows that there is no significant relationship between the head teacher's level of technology leadership and the level of teacher teaching and learning online. Based on the results of this study, several suggestions have been made for the purpose of further improving the technology leadership level of head master and future studies.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada yang membincangkan tentang kepimpinan teknologi guru besar terhadap PDP atas talian guru.

## 1. Pengenalan

Sistem Pendidikan pada era masa kini, lebih menekankan kepada penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam melaksanakan segala pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Pengintegrasian TMK telah banyak mendatangkan kebaikan dalam peningkatan kepada organisasi dan pencapaian pelajar di sesebuah sekolah. Dalam hal ini, kebanyakan negara telah mengambil bagi memperluaskan penggunaan TMK dalam organisasinya. Di luar negara, pengintegrasian TMK dalam sistem Pendidikan amat digalakkan dan mendatangkan kejayaan. Program-program TMK iaitu F@tih Project School di negara Turki, Program 2.0 School di negara Sepanyol dan *Learning Resource Centre* di Arab Saudi telah memberi input yang positif dalam sistem Pendidikan di negara tersebut (Javier et al., 2017). Manakala sistem Pendidikan di Malaysia pula Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merancang beberapa strategi dalam memperkasakan penggunaan TMK. Antara program yang diperkenalkan oleh KPM ialah program 1BestariNet bagi menggalakkan pembelajaran TMK secara optimum (Arumugam & Som, 2017).

Kepimpinan Guru Besar menjadi tunjang utama dalam memperkasakan penggunaan TMK di sekolah dan pembentukan sesebuah organisasi yang berkualiti pada era global. Sehubungan dengan itu, ketua sesebuah organisasi perlu memastikan semua urusan dijalankan berdasarkan matlamat organisasi. Tambahan pula, tugas Guru Besar bukan sahaja memberi arahan semata-mata malah ia lebih berfokuskan kepada perubahan dalam perlakuan guru secara efektif. Dalam dunia TMK ini, guru besar harus melengkapkan diri dengan revolusi TMK semasa. Dengan ini, pemimpin sekolah mahupun guru-guru dapat mengintegrasikan TMK dengan lebih efektif. Ini secara tidak langsung akan menjadikan PdP atas talian guru lebih berkesan. Bagi pengintegrasian TMK sesebuah organisasi, guru besar perlu melengkapkan diri dalam pengetahuan dan kemahiran TMK. Seterusnya, guru besar juga perlu memastikan guru-guru di sekolah beliau peka terhadap pengetahuan dan kemahiran TMK yang sewajarnya.

PdP yang berkualiti dan efektif dapat dijalankan melalui penguasaan dan pengetahuan TMK yang tinggi. Natijahnya, guru-guru merupakan golongan pendidik yang paling penting dalam pengintegrasian TMK di sekolah secara berleluasa. Dalam hal ini guru-guru perlu mengadaptasikan perubahan TMK dalam sistem Pendidikan untuk memastikan keberhasilan PdP. Usaha guru dalam merancang kaedah PdP dengan kreatif dan menarik akan meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dan akan menjana pencapaian murid (Michaela, Armando, & Elizabeth, 2018). Perkembangan TMK membantu perkembangan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21). Terdapat juga teori yang berpendapat selaras dengan PAK 21, sekiranya guru menggamit keupayaan dan kebolehan dalam memanipulasi TMK, proses PdP akan berkualiti tinggi. Frog VLE yang diperkenalkan oleh KPM merupakan detik kepada perkembangan TMK dalam sistem Pendidikan negara. Dalam keadaan mendesak pada pasca pandemik covid, para guru diminta melaksanakan PdP atas talian melalui aplikasi google classroom supaya murid -murid tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Era pandemik covid telah menjadikan PdP guru daripada bersemuka kepada PdP atas talian. Pendekatan konvensional dalam PdP guru berubah kepada PdP atas talian (Radha et al., 2020). PdP atas talian yang berasaskan TMK merangkumi portal delima, latihan dalam talian, video Eduweb TV, buku teks digital dan aplikasi google meet. Guru-guru disarankan meningkatkan kemahiran TMK bagi menjalankan PdP atas talian secara efektif (Masrurin & Bambang, 2017). Sehubungan dengan itu, kepimpinan teknologi guru besar dalam pengintegrasian TMK guru dirancarkan secara lebih holistik. Dalam urusan persekolahan guru besar harus menekankan penggunaan TMK sebagai suatu keperluan. Kecekapan guru dalam penggunaan TMK mencungkil bakat guru dalam mengendalikan proses PdP dengan lebih efektif (Moritz, Verena, Yehudit & Ingo, 2017). Keadaan ini, memberi laluan kepada guru dalam penggunaan TMK demi meningkatkan kualiti PdP di sesebuah sekolah.

### 1.1. Pernyataan Masalah

Sektor Pendidikan diarah tutup akibat daripada penularan pandemik covid-19. Sesi PdP tidak dapat dijalankan secara konvensional bagi mengelakkan masyarakat dijangkiti wabak tersebut. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengubah kaedah PdP melalui pelaksanaan PDPR supaya murid-murid tidak keciciran dalam pelajaran. Interaksi antara guru dan murid secara dalam talian dilaksanakan melalui pelbagai kemudahan TMK seperti whatsapp, telegram dan zoom. Kaedah PdP dengan kemudahan TMK kurang digunakan semasa PdP atas talian guru. Murid-murid mempunyai sikap negatif dalam pembelajaran atas talian dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan norma baru. Dalam hal ini, didapati juga ramai guru tidak menggunakan kemudahan TMK dalam PdP atas talian secara efektif walaupun disarankan oleh KPM.

Selain itu, kurangnya pendedahan dalam penggunaan TMK juga menyebabkan guru-guru kurang memanfaatkan TMK dalam PdP pada pasca covid. Guru-guru tidak mahir dan kurang pendirian dalam menggunakan TMK bagi melaksanakan PdP dengan berkesan. Mereka cenderung memilih penggunaan buku teks sebagai sumber utama dalam (PdP). Berdasarkan pernyataan di atas, maka tahap PdP atas talian guru dalam menggunakan TMK sangat membimbangkan. Tambahan pula, guru hanya menjalankan sesi PdP atas talian tidak melebihi 10 minit melalui whatsapp dengan menggunakan buku teks walaupun masih ada banyak pembelajaran maya yang menarik seperti pembelajaran secara Google Classroom (GC), Google Meet (GM), Quizzlet, kuiz melalui Google Form, Zoom diperkenalkan.

Pelbagai masalah telah timbul semasa menjalankan PdP atas talian ini. Antaranya ialah kurangnya interaksi dua hala antara guru dan murid. Kesusahan ini juga telah menyebabkan pembelajaran atas talian tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kesan daripada perkara ini, objektif pembelajaran juga tidak dapat dicapai (Deepika, 2020). Di sekolah masih ada segelintir guru yang tidak mahir dalam penggunaan TMK melaksanakan PdP secara kaedah tradisional. Guru hanya menggunakan buku teks semata-mata untuk memberi tugas melalui whatsapp. Hal ini menyebabkan sesi PdP atas talian tidak menarik minat murid kerana pendekatan yang digunakan oleh guru tidak menarik. Natiujahnya, rutin PdP atas talian perlulah menarik minat murid. Guru-guru perlu memilih kaedah strategi dan pendekatan mengikut kefahaman murid bagi memupuk sikap positif terhadap PdP atas talian (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap kepimpinan teknologi guru besar.
- ii. Mengenal pasti tahap pengajaran dan pembelajaran guru atas talian guru.
- iii. Menguji hubungan tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan PdP atas talian guru pasca covid.

## 2. Sorotan Kajian

Kepimpinan merupakan suatu aspek yang utama dalam pembentukan sesebuah organisasi yang berkualiti. Sebagai seorang pemimpin yang berkalibel tinggi, sentiasa mengambil berat dalam setiap tugas yang diamanahkan kepada subordinat berdasarkan objektif sesebuah organisasi. Tambahan pula, tugas seseorang pemimpin perlu lebih menekankan perubahan dalam tingkahlaku guru secara efektif dan bukan sekadar memberi arahan dalam menyampaikan maklumat. Dalam dunia digital, seorang pemimpin memberi perhatian yang lebih dalam menerima perubahan dalam sistem Pendidikan pada pasca covid melalui pengintegrasian TMK dalam organisasi (Ozkan, Tokel, Celik & Oznacar, 2017). Sehubungan dengan itu, pemimpin harus mencetuskan dan menggerak sesuatu perubahan dalam organisasi untuk berkembang dan terus maju (Mohammad Sani & Mohd Izham, 2012).

### 2.1. Kepimpinan Teknologi

Kepimpinan teknologi diperlukan jika terdapat keinginan menjadikan urusan dalam bidang TMK lebih cekap. Walaupun sebelum ini, banyak gaya kepimpinan diperkenalkan, namun tidak menyumbang kepada pentadbiran organisasi yang berpandukan TMK secara berkesan. Manakala dalam bidang Pendidikan pada pasca covid, TMK menjadi rutin kerja harian. Dalam usaha keberkesanan TMK di sekolah, guru besar mengamalkan NETS-A (Raamani & Arumugam, 2018). Kepimpinan teknologi guru besar dalam sistem Pendidikan terdiri daripada lima dimensi iaitu:

- i. Kepimpinan wawasan: Guru besar menjadi pemimpin dalam membangunkan dan melaksanakan visi berdasarkan penggunaan TMK dalam kecemerlangan sekolah.
- ii. Budaya pembelajaran era digital: Guru besar memperkenalkan bahan bantu mengajar digital dalam penyediaan bahan bantu mengajar TMK yang dapat meningkatkan keinginan murid untuk belajar.
- iii. Cemerlang dalam profesion keguruan: Guru besar menggalakkan dan meningkatkan profesion keguruan melalui ladap dan kursus-kursus TMK untuk meningkatkan amalan profesional.

- iv. Penambahbaikan sistemik: Guru besar menyediakan peralatan dan sumber TMK yang lengkap bagi kecekapan organisasi.
- v. Kewarganegaraan digital: Guru besar menjadi pemudah cara dan peka terhadap etika dan undang-undang mengenai perkembangan budaya digital, peka terhadap isu-isu keselamatan.

## 2.2. Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian

Menurut [Gunawan, Suranti dan Fathoroni \(2020\)](#) PdP atas talian berkembang pesat dalam sistem Pendidikan di Malaysia sewaktu pandemik covid. Pelbagai aplikasi digital dalam PdP dalam talian telah digunakan dalam sistem Pendidikan sewaktu era pandemik. Pembelajaran, pengajaran, dan fasilitasi dalam bentuk pembelajaran atas talian adalah metod akademik yang menggunakan teknologi digital dan internet. PdP atas talian ini merangkumi audio, perkataan, animasi, video serta grafik visual. Pdp atas talian ini didefinisikan sebagai pembelajaran maya yang menggunakan perisian komputer dimana murid-murid dapat melihat dan mendengar murid lain dari jarak jauh. ([Shirley Anne et al., 2019](#)).

Selain itu, PdP atas talian melibatkan penggunaan berbagai alat teknologi berasaskan web dalam konteks pendidikan. Oleh itu, PdP atas talian telah berkembang dengan pesat kerana terdapat banyak kelebihan seperti fleksibiliti, kebolehcapaian internet dan keberkesanan kos ([Quadri et al., 2018](#)). Kelebihan ini dapat mencetuskan pendidikan ke arah proses PdP atas talian berasaskan penggunaan TMK.

## 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kuantitatif. Segala data dalam bentuk jadual dan penomboran dianalisis melalui kaedah kuantitatif. Menurut [Creswell \(2014\)](#) kaedah kuantitatif ini sesuai digunakan dalam pengumpulan data dan maklumat kajian yang menjuruskan kepada fenomena yang berlaku pada sesuatu masa tertentu. Kajian ini melibatkan sebuah sekolah kebangsaan di daerah Hulu Langat. Pengkaji memilih sekolah ini disebabkan oleh, permintaan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat untuk membuat justifikasi tentang sejauh manakah keberkesanan tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan tahap PdP atas talian guru pada pasca covid. Sampel kajian ini terdiri daripada 19 orang guru lelaki dan 41 orang guru perempuan sekolah tersebut.

Borang soal selidik yang dibina dalam bentuk *Google Form* digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen kajian. *Google form* ini telah diedarkan kepada guru melalui *whatsapp* kerana situasi PKP yang belum pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Penggunaan borang soal selidik ini memudahkan proses pengumpulan data dengan lebih cepat. Tambahan pula, penggunaan *google form* ini melibatkan kos yang rendah berbanding pendekatan kualitatif ([Chua, 2018](#)). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A terdiri daripada lima item untuk mengumpul maklumat responden, bahagian B mengandungi 31 item yang mengkaji tahap kepimpinan guru besar yang terbahagi kepada lima dimensi iaitu kepimpinan berwawasan, kepimpinan budaya pembelajaran era digital, kecemerlangan amalan profesional, penambahbaikan sistem dan kewarganegaraan digital. Bahagian C pula terdiri daripada 12 item yang mengkaji tahap PdP atas talian guru pada pasca covid. Segala instrumen kajian dianalisis dengan menggunakan skala likert lima mata. Skala Likert ini terdiri dari skala 1 (sangat tidak setuju) hingga skala 5 (sangat setuju). Data dalam borang soal selidik dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif.



Soal selidik yang dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Studies bagi versi 25 (SPSS)*. Statistik deskriptif digunakan adalah untuk mendapatkan bilangan serta peratusan yang menerangkan latar belakang responden. Skor min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti dimensi tahap kepimpinan teknologi guru besar iaitu kepimpinan berwawasan, kepimpinan budaya pembelajaran era digital, kepimpinan kecemerlangan amalan profesional, kepimpinan penambahbaikan sistem dan kewarganegaraan digital. Dari segi menganalisis dimensi tahap PdP atas talian guru pada pasca covid iaitu tahap penggunaan TMK guru dalam PdP dan penglibatan murid skor min dan sisihan piawai digunakan. Bagi menganalisis soalan ketiga iaitu untuk menguji hipotesis pertama iaitu adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan tahap PdP atas talian guru analisis korelasi telah digunakan.

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1. Demografi Responden

Responden kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang. Berdasarkan jantina, responden kajian ini terdiri daripada 19(31.7%) orang lelaki dan 41 (68.3%) orang perempuan. Umur responden kajian pula berada dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun sebanyak 7 orang (11.7%), lingkungan umur 30 hingga 40 tahun sebanyak 16 orang (26.7%) dan responden yang berumur 40 hingga 50 tahun berjumlah 37 orang (61.7%). Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mempunyai kelayakan akademik daripada sarjana muda dan sarjana. Guru -guru yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat sarjana muda adalah seramai 55 orang (91.7%) dan sejumlah 5 orang (8.3%) mempunyai kelayakan akademik di peringkat sarjana. Jika dilihat dari segi pengalaman berkhidmat sebagai guru, responden kajian mempunyai jangka masa yang berbeza-beza. Terdapat lapan orang (13.3%) responden yang telah bertugas dalam lingkungan 1 hingga 5 tahun. Sejumlah 16 orang (26.7%) responden telah bertugas dalam tempoh 6 hingga 10 tahun, dan 36 orang (60.0%) responden telah bertugas dalam tempoh 11 dan ke atas. Dari segi darjah yang diajar pula, seramai 33 orang (55%) guru mengajar murid-murid tahap 1 iaitu darjah satu hingga darjah tiga manakala malah seramai 27 orang (45%) guru mengajar murid-murid tahap 2 iaitu darjah empat hingga darjah enam. [Jadual 1](#) menunjukkan demografi guru-guru yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratus
Umur	20-30	7	11.7
	30-40	16	26.7
	40-50	37	61.7
Jantina	Lelaki	19	31.7
	Perempuan	41	68.3
Tempoh Perkhidmatan	1-5 tahun	8	13.3
	6-10 tahun	16	26.7
	11 tahun & ke atas	36	60.0
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda	55	91.7
	Sarjana	5	8.3
Darjah yang diajar	Tahap 1	33	55.0
	Tahap 2	27	45.0

## 4.2. Tahap Kepimpinan Teknologi Guru Besar

Jadual 2 menunjukkan dapatan terperinci skor min bagi tahap kepimpinan teknologi guru besar. Skor min tahap kepimpinan bagi semua dimensi berada pada tahap yang tinggi. Jika dilihat secara terperinci di dapati peratusan guru yang memberi persepsi negatif (STS) bagi kesemua item adalah rendah iaitu 1.7 peratus. Dapat dilihat juga bahawa majoriti guru memberi respon yang positif (S dan SS) bagi keseluruhan item iaitu 75.0 peratus. Ini menggambarkan bahawa guru-guru berpendapat tahap kepimpinan teknologi guru besar di sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat adalah tinggi. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Syamsul, Nurul dan Fauzan (2021) yang mendapati bahawa tahap kepimpinan teknologi guru besar bagi setiap dimensi berada pada tahap tinggi. Dengan ini dapat merumuskan bahawa guru besar di sekolah kebangsaan Hulu Langat menjalankan peranan sebagai pemimpin teknologi.

Jadual 2: Tahap Kepimpinan Teknologi Guru Besar

	Sangat tidak setuju Bil (%)	Tidak setuju Bil (%)	Kurang setuju Bil (%)	Setuju Bil (%)	Sangat setuju Bil (%)
<b>Dimensi 1 : Kepimpinan Berwawasan</b>					
1.Guru besar saya menerajui perancangan ke arah keberkesanan penggunaan TMK.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	18(30)	40(66.7)
2.Guru besar saya melibatkan diri dalam pembangunan pelan strategik TMK.	0(0)	1(1.7)	0(0)	25(41.7)	34(56.7)
3.Guru besar saya memberikan maklumat berkaitan pelan strategik TMK.	1(1.7)	0(0)	0(0)	19(31.7)	40(66.7)
4.Guru besar saya memberi dorongan kepada warga sekolah terlibat dalam pelan strategik TMK.	0(0)	1(1.7)	0(0)	26(43.3)	33(55)
5.Guru besar saya menyokong usaha ke arah pelaksanaan pelan strategik TMK	0(0)	0(0)	1(1.7)	19(31.7)	40(66.7)
<b>Dimensi 2 : Budaya Pembelajaran Era Digital</b>					
1.Guru besar saya memastikan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan era digital.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	15(25)	43(71.7)
2.Guru besar saya menggalakkan keberkesanan TMK dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah.	0(0)	2(3.3)	0(0)	21(35)	37(61.7)
3.Guru besar saya menyediakan persekitaran pembelajaran berteknologi.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	23(38.3)	35(58.3)
4.Guru besar saya memastikan penggunaan TMK merentasi kurikulum.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	18(30)	40(66.7)
5. Guru besar saya mendorong inovasi dari seluruh warga sekolah melalui pemanfaatan teknologi digital.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	23(38.3)	35(58.3)
6. Guru besar saya mempromosikan budaya pembelajaran yang melibatkan seluruh warga	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	24(40)	34(56.7)

---

sekolah melalui penggunaan teknologi digital.					
<b>Dimensi 3 : Kecemerlangan Amalan Profesional</b>	0(0)	1(1.7)	2(3.3)	19(31.7)	38(63.3)
1. Guru besar saya menyediakan fasiliti yang mendukung peningkatan praktik profesional dalam penggunaan TMK.					
2. Guru besar saya memupuk semangat warga sekolah dalam penggunaan TMK.	0(0)	1(1.7)	0(0)	20(33.3)	39(65)
3. Guru besar saya melibatkan diri dalam penggunaan TMK.	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	19(31.7)	39(65)
4. Guru besar saya menggalakkan komunikasi berkesan melalui TMK.	0(0)	1(1.7)	0(0)	17(28.3)	42(70)
5. Guru besar saya memastikan kerjasama berkesan melalui TMK.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	13(21.7)	45(75)
6. Guru besar saya mengikuti trend penggunaan teknologi terkini.	1(1.7)	0(0)	0(0)	21(35)	38(63.3)
7. Guru besar saya memberi penekanan kepada potensi teknologi terkini bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran.	0(0)	1(1.7)	0(0)	24(40)	35(58.3)
<b>Dimensi 4 : Penambahbaikan Sistem</b>	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	27(45)	31(51.7)
1. Guru besar saya memaksimumkan pencapaian sekolah melalui sumber TMK.					
2. Guru besar saya menggunakan data untuk meningkatkan prestasi staf secara efektif.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	27(45)	31(51.7)
3. Guru besar saya mengambil manfaat dari data untuk meningkatkan pembelajaran murid dengan lebih baik dan efektif.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	30(50)	28(46.7)
4. Guru besar saya mengundang pakar untuk mencapai tingkat keberhasilan yang maksimum dalam penggunaan TMK dalam pembelajaran.	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	31(51.7)	27(45)
5. Guru besar saya membina perkongsian strategik bagi penambahbaikan bersistem.	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	27(45)	31(51.7)
6. Guru besar saya menyediakan infrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk mendukung operasional sekolah dengan baik.	0(0)	1(1.7)	2(3.3)	24(40)	33(55)
<b>Dimensi 5 : Kewarganegaraan Digital</b>	1(1.7)	0(0)	2(3.3)	23(38.3)	34(56.7)
1. Guru Besar saya memastikan pelajar mengakses TMK dengan sama rata.					
2. Guru Besar saya telah menetapkan polisi penggunaan TMK yang selamat, sah dan beretika.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	30(50)	28(46.7)
3. Guru Besar saya memberi sokongan dalam meningkatkan prestasi kerja saya.	1(1.7)	0(0)	1(1.7)	22(36.7)	36(60)

---



4.Guru Besar saya memastikan tanggungjawab terhadap interaksi sosial melalui penggunaan TMK.	1(1.7)	0(0)	2(3.3)	23(38.3)	34(56.7)
5.Guru Besar saya memastikan komunikasi sosial melalui TMK.	0(0)	1(1.7)	1(1.7)	20(33.3)	38(63.3)
6.Guru Besar saya memastikan kesefahaman budaya melalui TMK.	0(0)	1(1.7)	2(3.3)	21(35)	36(60)

Dapatan kajian dari segi dimensi kepimpinan teknologi guru besar yang paling banyak diamalkan oleh guru besar mengikut persepsi guru-guru adalah dimensi kecemerlangan amalan profesional dengan min = 4.75, (SP=0.541). Dalam item pertama iaitu menyediakan prasarana bagi meningkatkan amalan profesional TMK (S dan SS = 95%), item kedua, guru besar memupuk semangat warga sekolah dalam penggunaan TMK (S dan SS = 98.3%) dan item ketiga, guru besar melibatkan diri dalam penggunaan TMK (S dan SS = 96.7%). Guru-guru juga bersetuju dalam item keempat bahawa guru besar menggalakkan komunikasi berkesan melalui TMK (S dan SS = 98.3%), item kelima guru besar memastikan kerjasama berkesan melalui TMK (S dan SS = 96.7%) dan item keenam guru besar mengikuti trend penggunaan teknologi terkini (S dan SS = 98.3%). Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menggambarkan guru besar memberi penekanan terhadap amalan profesional TMK guru di sekolah tersebut.

Dalam aspek budaya pembelajaran era digital, dapatan kajian menunjukkan nilai skor min ialah 4.73, (SP=0.660). Secara keseluruhannya tahap budaya pembelajaran era digital guru besar berada pada tahap sederhana tinggi. Majoriti guru memberi justifikasi dalam item satu bahawa guru besar selalu memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan era digital (S dan SS = 96.7%). Kebanyakan guru juga bersetuju dalam item kedua bahawa guru besar menggalakkan keberkesanan TMK dalam PdP di sekolah dengan jumlah peratusan S dan SS sejumlah 96.7%. Dalam aspek kepimpinan berwawasan, guru memberi pendapat dalam item pertama bahawa guru besar menerajui perancangan ke arah keberkesanan penggunaan TMK dan item kedua pula guru besar melibatkan diri dalam pembangunan pelan strategik masing-masing dengan jumlah peratusan S dan SS sejumlah 96.7% dan 98.4%.

Dalam dimensi kewarganegaraan digital guru-guru bersetuju dalam item pertama bahawa guru besar memastikan pelajar mengakses TMK dengan sama rata (S dan SS = 95.0%), dan item kedua pula guru besar membentuk polisi penggunaan TMK yang selamat, sah dan beretika (S dan SS = 96.7%) dan item ketiga pula guru besar memberi sokongan dalam meningkatkan prestasi kerja (S dan SS = 96.7%). Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa guru besar sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat memainkan peranan sebagai pemimpin teknologi dan memberi kesedaran kepada guru-guru dalam peningkatan prestasi dengan mengaplikasikan TMK.

Dalam aspek penambahbaikan sistem, dapatan kajian mencatat min paling rendah dengan nilai min = 4.53, (SP=0.623). Jika diteliti, guru yang berpendapat bahawa guru besar memanfaatkan data bagi meningkatkan prestasi kakitangan mencatat peratusan yang rendah sejumlah (S = 51.7%) dalam item kedua. Manakala guru besar menyediakan prasarana TMK dalam menyokong operasi sekolah dalam item keenam pula mencatat peratusan sejumlah (S = 55%). Dapatan kajian ini hampir sama dengan kajian [MohdNorakmar, Siti dan Abd Latif \(2019\)](#) bahawa penambahbaikan sistem

menunjukkan nilai min yang paling rendah. Dimensi penambahbaikan sistem mencatat peratusan rendah daripada keseluruhan dimensi kepimpinan teknologi guru besar. Berkemungkinan besar ini disebabkan oleh kekurangan prasarana TMK di sekolah dan bagi menyediakan prasarana TMK guru besar memerlukan budget yang tinggi.

Kajian ini membuktikan bahawa kepimpinan teknologi guru besar yang diamalkan di sekolah kebangsaan di daerah Hulu Langat memang diberi penekanan oleh guru besar pada pasca covid. Secara keseluruhan, nilai min dan sisihan piawai dari kelima dimensi kepimpinan teknologi guru besar di antara para guru adalah tinggi. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa guru besar di sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat memiliki kompetensi yang tinggi dalam kepimpinan teknologi.

#### 4.3. Tahap Pengajaran dan Pembelajaran Guru Atas Talian Guru Pada Pasca Covid

Jadual 3 menunjukkan analisis taburan min dan sisihan piawai tahap PdP guru atas talian guru pada pasca covid. Dapatan kajian dimensi penggunaan TMK guru dalam PdP pada pasca covid menunjukkan tahap yang sederhana dengan nilai min =3.32, (SP=1.081).

Jadual 3 : Tahap Pengajaran dan Pembelajaran Guru Atas Talian Guru Pada Pasca Covid.

Dimensi	Sangat tidak setuju Bil (%)	Tidak setuju Bil (%)	Kurang setuju Bil (%)	Setuju Bil (%)	Sangat setuju Bil (%)
Tahap penggunaan TMK guru dalam PDPC pada pasca covid.					
1.Saya menggunakan buku teks dalam mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	18(30)	9(15)	13(21.7)	8(13.3)	12(20)
2.Saya menggunakan medium whatsapp dalam mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	12(20)	9(15)	11(18.3)	16(26.7)	12(20)
3.Saya menggunakan platform seperti google classroom atau google meet untuk mengadakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka pada pasca covid.	9(15)	21(35)	7(11.7)	14(23.3)	9(15)
4.Saya menggunakan laman web youtube bagi mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	2(3.3)	14(23.3)	8(13.3)	22(36.7)	14(23.3)
5.Saya menyediakan video power point bagi mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	9(15)	10(16.7)	5(8.3)	17(28.3)	19(31.7)

6.Saya memberi latihan kepada murid melalui wodwall atau kahoot.	16(26.7)	7(11.7)	1(1.7)	17(28.3)	19(31.7)
Penglibatan murid					
1.Semua murid menyertai pembelajaran dan pengajaran atas talian pada pasca covid.	21(35)	3(5)	1(1.7)	20(33.3)	15(25)
2.Murid dapat mengakses google classroom atau google meet bagi sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	18(30)	6(10)	0(0)	17(28.3)	19(31.7)
3. Murid terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian pada pasca covid.	2(3.3)	1(1.7)	22(36.7)	21(35)	14(23.3)
4.Murid berasa seronok untuk belajar atas talian pada pasca covid.	1(1.7)	3(5)	20(33.3)	22(36.7)	14(23.3)
5.Murid menghantar tugas yang diberi atas talian dengan kadar segera.	14(23.3)	10(16.7)	2(3.3)	22(36.7)	12(20)
6.Murid dapat meningkatkan kefahaman mereka apabila belajar atas talian pada pasca covid.	0(0)	4(6.7)	21(35)	18(30)	17(28.3)

Guru di sekolah kebangsaan Daerah Hulu Langat berupaya menggunakan TMK sebagai ABM dalam menyesuaikan pengajaran berdasarkan tahap kefahaman pelajar manakala ada guru yang tidak menggunakan web-web Pendidikan dalam PdP pada pasca covid. Malah dapatan kajian menunjukkan guru lebih gemar menggunakan buku teks dalam PdP pada pasca covid. Berdasarkan [Jadual 3](#) didapati dimensi penglibatan murid mempunyai tahap min yang tinggi dengan min = 3.48, (SP=1.321). Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun penggunaan TMK guru dalam PdP atas talian sederhana malah penglibatan murid menunjukkan pada tahap tinggi pada pasca covid.

#### 4.4. Hubungan tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan tahap pengajaran dan pembelajaran guru atas talian guru pada pasca covid

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan tahap pengajaran dan pembelajaran atas talian guru.

[Jadual 4](#) memperincikan analisis dan dapatan berkaitan hubungan antara dimensi tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan dimensi tahap PdP atas talian guru. Didapati hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa hubungan antara semua dimensi tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan dimensi tahap PdP atas talian guru adalah tidak signifikan berdasarkan nilai  $p > 0.01$ . Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara semua dimensi tahap kepimpinan teknologi guru besar dengan dimensi tahap PdP atas talian guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa peranan kepemimpinan teknologi guru besar sangat penting dalam meningkatkan

kemampuan guru dalam melaksanakan proses pembelajaran dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Jadual 4 : Hubungan Antara Tahap Kepimpinan Teknologi Guru Besar Dengan Tahap PdP Atas Talian Guru

		Dimensi 1 : Tahap penggunaan TMK guru dalam PdP pada pasca covid	Dimensi 2 : Penglibatan murid
Dimensi 1 : Kepimpinan Berwawasan	Korelasi	0.235	0.159
	Pearson (2hujung).	0.071	0.225
	n	60	60
Dimensi 2 : Budaya Pembelajaran Era Digital	Korelasi	0.168	0.111
	Pearson (2-hujung).	0.200	0.397
	n	60	60
Dimensi 3 : Kecemerlangan Amalan Profesional	Korelasi	0.196	0.172
	Pearson (2-hujung).	0.134	0.189
	n	60	60
Dimensi 4 : Penambahbaikan Sistem	Korelasi	0.122	0.093
	Pearson (2-hujung).	0.352	0.478
	n	60	60
Dimensi 5 : Kewarganegaraan Digital	Korelasi	0.149	0.048
	Pearson (2-hujung).	0.256	0.715
	n	60	60

\*\* . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

## 5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa tahap kepimpinan teknologi guru besar berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian ([Syamsul, Nurul & Fauzan, 2021](#); [MohdNorakmar et al., 2019](#)). Dengan ini terbukti bahawa guru besar di sekolah kebangsaan daerah Hulu Langat telah memainkan peranan sebagai pemimpin teknologi yang berkalibel tinggi, seperti yang dihasratkan oleh KPM. Pandemik covid ini memberi kesedaran kepada Guru besar sekolah dan guru-guru dalam pengintegrasian TMK dalam PdP atas talian mendatangkan impak positif terhadap peningkatan organisasi. Peningkatan TMK ini mendorong pembentukan budaya pembelajaran yang berteraskan era digital dalam persekitaran sekolah ([Raamani & Arumugam, 2018](#)). Dapatan kajian ini juga, menguatkan lagi andaian bahawa guru besar di sekolah kebangsaan Daerah Hulu Langat mempunyai kemampuan untuk mentadbir sekolah ke arah penggunaan TMK dengan lebih berkesan. Di samping itu, guru besar sudah berjaya menggabung jalin urusan pentadbiran sekolah melalui penggunaan TMK dalam setiap aspek pada pasca covid.

Di samping itu, kajian ini juga mendapati pemimpin teknologi mempunyai pengaruh yang besar terhadap kecemerlangan amalan profesional. Dengan ini terbukti bahawa guru besar memberi penekanan yang tinggi dalam peningkatan amalan profesional guru pada pasca covid. Pemimpin teknologi yang berkemahiran tinggi dalam era digital

menunjukkan tingkat dimensi budaya pembelajaran yang tinggi. Guru besar telah memberikan saranan dan menerapkan budaya pembelajaran digital untuk menyediakan sumber pendidikan yang relevan dan menarik minat murid (MohdNorakmar et al., 2019). Hasil kajian ini juga menunjukkan dimensi penambahbaikan sistematik harus diberi perhatian oleh guru besar di sekolah rendah harian. Guru besar perlu menyediakan kepemimpinan yang efektif dalam organisasi yang berorientasikan penggunaan peralatan dan sumber TMK.

Dalam aspek PdP atas talian guru pada pasca covid penglibatan murid menunjukkan tahap yang tinggi. Dengan ini dapat dirumuskan murid melibatkan diri secara aktif apabila PdP dijalankan atas talian. Selain itu, majoriti murid bersedia menggunakan aplikasi seperti Youtube, Google Classrooms, Meet dan Zoom sebagai aplikasi dalam melaksanakan PdP atas talian semasa pandemik Covid- 19. Pendekatan pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan semasa tempoh pandemik Covid-19 menjadi lebih menarik apabila menggunakan aktiviti yang pelbagai.

Dalam aspek penggunaan TMK guru dalam PdP pada pasca covid pula pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini, menghuraikan secara terperinci bukan semua guru yang menggunakan kemudahan TMK dalam PdP pada pasca covid. Walaupun PdP pada pandemik covid menjadi satu cabaran kepada guru-guru, sebagai pendidik guru harus berusaha untuk melaksanakan PdP secara efektif. Oleh yang demikian, guru haruslah memainkan peranan dalam menyediakan pembelajaran atas talian yang mengandungi aktiviti yang menarik minat murid dan meningkatkan kefahaman murid.

## 6. Kesimpulan

Pandemik Covid -19 telah mengubah sistem Pendidikan secara menyeluruh. Perubahan keseluruhan sistem Pendidikan telah mencetuskan satu revolusi dalam sistem Pendidikan iaitu dari konvensional kepada kaedah atas talian. Dengan kata lain, pandemik covid -19 mengubah sistem Pendidikan ke Pendidikan digital. Bagi bersaing dengan sistem Pendidikan yang makin mencabar ini guru besar di sekolah harian harus mempunyai tahap kepimpinan teknologi yang tinggi dalam meningkatkan penggunaan TMK di sekolah. Guru besar di sekolah harus menyarankan guru-guru di sekolah melakukan inovasi dalam PDPC dengan pengintegrasian TMK. Guru -guru juga perlu di dedahkan ladang berkaitan TMK bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

Pengkaji memberi cadangan lanjutan agar kajian ini harus dijalankan di kesemua sekolah harian di Malaysia. Dengan ini, kajian lanjutan akan memberi maklumat yang lebih terperinci mengenai tahap kepimpinan teknologi guru besar. Selain itu, kajian kualitatif juga boleh dijalankan sebagai kajian lanjutan untuk mendapatkan data yang lebih kukuh bagi menyokong dapatan kajian. Kaedah temu bual dan pemerhatian boleh digunakan bagi megukuhkan lagi hasil dapatan. Kajian ini memberi fokus kepada guru. Sebagai cadangan kajian lanjutan kajian ini boleh diajukan kepada guru besar di sekolah harian. Penemuan dapatan kajian ini juga memberikan kontribusi yang signifikan dalam sistem pendidikan di sekolah rendah, khususnya bagi guru besar dan guru-guru yang bekerja di sekolah harian. Hasil kajian ini menggambarkan tahap kepimpinan teknologi yang diamalkan oleh guru besar di sekolah harian. Dengan ini guru besar sesebuah sekolah dapat mengenal pasti keperluan atau kemudahan TMK di sekolah dalam pengintegrasian TMK. Tambahan pula, dengan memenuhi kemudahan TMK di sekolah guru besar sesebuah sekolah dapat mencapai tahap kepimpinan teknologi yang tinggi dan memainkan peranan penting amalan PDPC atas talian guru pada pasca covid.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada responden (guru besar, guru prasekolah dan guru sekolah rendah) yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

## **Rujukan**

- Arumugam, R., & Som, S. (2017). Relationship between technology leadership, ICT facility, competency, commitments and teachers practices on implementations with effective teacher's management tasks in schools. *Scholedge International Journal of Multidisciplinary & Allied Studies*, 4(9), 88–96.
- Chua, Y. P. (2018). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Education.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative research*. Boston. Pearson Education.
- Deepika, N. (2020). The impact of online learning during COVID-19: students' and teachers' perspective. *The International Journal of Indian Psychology*, 8(2), 784–793.
- Gunawan, G., Suranti, N. M. Y., & Fathoroni, F. (2020). Variations of Models and Learning Platforms for Prospective Teachers During the COVID-19 Pandemic Period. *Indonesian Journal of Teacher Education*, 1(2), 61-70.
- Javier, G. F., Javier, R.S., & Juan, J.T.G. (2017). Factors that explain the use of ICT in secondary-education classrooms: The role of teacher characteristics and school infrastructure. *Computers in Human Behaviour*, 441-449.
- Masrurin, L., & Bambang, Y.C. (2017). Indonesian EFL Teachers' Self-Efficacy towards Technology Integration (SETI) and Their Use of Technology in EFL Teaching. *Studies in English Language Teaching*, 344-357.
- Michaela, C., Armando, C., & Elizabeth, A. (2018). Correlation between Self-Efficacy Perception and Teaching Performance: The Case of Mexican Preschool and Primary School Teachers. *Arab World English Journal*, 56-70.
- Mohammad Sani, I., & Mohd Izham, M.H. (2021). *Pengurusan Perubahan Makro Dalam Pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



- MohdNorakmar, O., Siti, S. I., & Abd Latif, K. (2019). Hubungan kepemimpinan teknologi pengetua dan efikasi sendiri guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(4), 1–21.
- Moritz, K., Verena, P., Yehudit, J. D., & Ingo, E. (2017). Differences and Developments in Attitudes and Self-Efficacy of Prospective Chemistry Teachers Concerning the Use of ICT in Education. *EURASIA Journal of Mathematics Science and Technology Education*, 13(8), 4405-4417.
- Norazlin, M.R, & Siti Rahaimah, A. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conferenfe on Islamic Civilization and Technology Management*, 23-24.
- Ozkan, T., Tokel, A., Celik, M., & Oznacar, B. (2017). Evaluation of technology leadership in the context of vocational school administrators. In *Proceedings of the 9th International Conference on Computer Supported Education* (Vol. 1, pp. 727–731). SCITEPRESS - Science and Technology Publications.
- Quadri, N.N., AbdulHafeez, M., Sumaya, S., Mohamed Rafik, N.Q., & Asadullah, S. (2018). A mixed method study for investigating critical success factors (CSFs) of e-learning in Saudi Arabian universities. (IJACSA) *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 8(5), 171-178.
- Raamani, T. & Arumugam, R. (2018). The Influence of principals' technology leadership and professional development on teachers' technology integration in secondary schools. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(1), 203-228.
- Radha, R., Mahalakshmi, K., Sathish, V. K., & Saravakumar, A. R.. (2020). E-Learning during Lockdown of Covid-19 Pandemic: A Global Perspective. *International Journal of Control and Automation*, 13(4), 1088-1099.
- Shirley Anne. S. Paul. A. S., Hart, P., Augustin, L., Clarke, P. J., & Pike, M. (2019). Parents' perspectives on home-based character education activities. *Journal of Family Studies*, 1-23.
- Syamsul, A., Nurul, A., & Fauzan, A. A. (2021). Kebijakan Merdeka Belajar dan Implikasinya terhadap Pengembangan Desain Evaluasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam. *Dirasat: Jurnal Manajemen Dan Pendidikan Islam*, 7(1), 65–78.